

Lawatan Teknikal di Stesen MAGDAS-LKW

Artikel oleh: Mohamad Zul Hilmey bin Makmud

Satu lawatan teknikal di Observatori Negara Langkawi (ONL) yang diketuai oleh Prof Madya Dr. Baba bin Musta dan dibantu oleh Encik Mohamad Zul Hilmey bin Makmud telah diadakan pada 18 JUN 2012 bertujuan untuk melihat struktur dan rekabentuk stesen MAGDAS yang sebenar dan seterusnya mempelajari operasi kendalian rutinnya yang dilakukan oleh Agensi Angkasa Negara (ANGKASA). Lawatan ini adalah susulan daripada cadangan kerjasama di antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan International Center for Space Weather Science and Education (ICSWSE) berpusat di Universiti Kyushu, Jepun bagi projek pembinaan salah sebuah stesen bagi Sistem Perperolehan Data Magnetik / Jaringan Magnetometer Pan-Pasifik (MAGDAS/CPMN) di lokasi yang telah dikenalpasti dalam kampus UMS. Stesen MAGDAS-UMS adalah yang kedua di Malaysia bagi jaringan MAGDAS/CPMN selepas daripada stesen MAGDAS-LKW di ONL. Cadangan stesen ini dijangka akan mula beroperasi di UMS pada tahun 2013.



Bergambar di hadapanpondok 'Data Logger' bagi MAGDAS-LKW.



Sistem 'Data Logger' MAGDAS-LKW.



'Sensor' MAGDAS-LKW.